



FMOS

Financial
Markets
Ombudsman
Service



Perlukan bantuan dengan pertikaian kewangan atau pelaburan anda?

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2025 melalui penggabungan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti.

FMOS menawarkan perkhidmatan penyelesaian pertikaian secara bebas, adil dan saksama, serta percuma bagi pengguna dan pelabur yang tidak dapat menyelesaikan aduan mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan atau perantara pasaran modal.

Bidang Kuasa FMOS

FMOS menerima pertikaian yang berkaitan dengan kerugian kewangan langsung tidak melebihi RM250,000 bagi produk dan perkhidmatan berikut yang disediakan oleh Ahli kami:

- Produk dan perkhidmatan perbankan/perbankan Islam/perbankan digital
- Tuntutan insurans dan takaful
- Produk dan perkhidmatan pasaran modal



Siapa Yang Layak Mengemukakan Aduan?

- Pengguna kewangan yang menggunakan atau telah menggunakan perkhidmatan atau produk kewangan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Kewangan atau Perantara Pasaran Modal:
 - untuk tujuan peribadi, domestik atau isi rumah; atau
 - berkaitan dengan perniagaan kecil.
- Pelabur individu atau pemilik tunggal yang mempunyai urusan atau transaksi berkaitan perkhidmatan atau produk pasaran modal yang melibatkan Ahli FMOS.

Ahli-Ahli FMOS

Anda boleh mengemukakan pertikaian terhadap Ahli-Ahli berikut:

- | | | |
|---|---|---|
|
Bank komersial/bank Islam dan bank digital berlesen |
Syarikat insurans/pengendali takaful berlesen |
Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan |
|
Penasihat kewangan dan penasihat kewangan Islam yang diluluskan |
Broker insurans dan takaful yang diluluskan |
Pengeluar instrumen pembayaran/instrumen pembayaran Islam yang diluluskan |
|
Bank pelaburan, syarikat broker saham, syarikat broker niaga hadapan, syarikat pengurusan unit amanah, syarikat pengurusan dana, penyedia dan pengedar Skim Persaraan Swasta (PRS), dan perancang kewangan yang merupakan penasihat unit amanah/PRS korporat berlesen | | |

Hubungi FMOS untuk Penyelesaian Pertikaian yang Adil dan Percuma